



**ARAHAN PENGARAH TANAH DAN GALIAN
NEGERI SEMBILAN DARUL KHUSUS
BIL. 5/2019**

**KELAYAKAN SYARIKAT ENTERPRISE UNTUK MEMEGANG PERMIT
PENCABUTAN, PEMINDAHAN DAN PENGANGKUTAN BAHAN BATUAN DI ATAS
TANAH KERAJAAN, TANAH MILIK, TANAH LOMBONG ATAU TANAH RIZAB DI
BAWAH SEKSYEN 70, AKTA KANUN TANAH NEGARA 1965**

1. Tujuan

- 1.1. Arahan ini adalah sebagai panduan kepada semua warga kerja pentadbiran tanah di seluruh Negeri Sembilan mengenai kelayakan Syarikat Enterprise untuk memegang permit pencabutan, pemindahan dan pengangkutan bahan batuan di atas tanah kerajaan, tanah milik, tanah lombong atau tanah rizab di bawah seksyen 70, Akta Kanun Tanah Negara 1965.

2. Latar Belakang

- 2.1. Kuasa **pelupusan** Pihak Berkuasa Negeri ditetapkan di bawah seksyen 42, Akta Kanun Tanah Negara 1965.
- 2.2. Seksyen 42(1)(d), Akta Kanun Tanah Negara 1965 merujuk kepada kuasa **pelupusan** permit pencabutan, pemindahan dan pengangkutan bahan batuan di atas tanah kerajaan, tanah milik, tanah lombong atau tanah rizab di bawah seksyen 70, Akta Kanun Tanah Negara 1965.
- 2.3. Seksyen 43, Akta Kanun Tanah Negara 1965 pula menetapkan orang-orang atau badan-badan yang boleh dilupuskan tanah seperti berikut:
 - a) orang-orang benar selain daripada remaja;

- b) perbadanan-perbadanan yang mempunyai kuasa di bawah perlembagaan mereka untuk memiliki tanah;
 - c) raja-raja pemerintah, kerajaan, organisasi dan lain-lain orang yang diberi kuasa untuk memegang tanah di bawah peruntukan-peruntukan Akta Keistimewaan Diplomatik (Konvensyen Vienna) 1966, Akta Organisasi Antarabangsa (Keistimewaan dan Kekebalan) 1992 dan Akta Hubungan Konsular (konvensyen Vienna) 1999, dan
 - d) badan-badan yang diberi kuasa secara nyata untuk memegang tanah di bawah mana-mana undang-undang bertulis lain.
- 2.4. Proviso kepada seksyen 43, Akta Kanun Tanah Negara 1965 menetapkan bahawa tidak perlu bagi sesebuah perbadanan mempunyai kuasa memegang tanah untuk membolehkannya memohon, dan dikeluarkan kepadanya, satu permit untuk mencabut dan memindahkan bahan-bahan batuan.

3. Justifikasi

- 3.1. Syarikat Enterprise **tidak layak** untuk memegang permit bahan batuan di atas **tanah kerajaan, tanah milik, tanah lombong atau tanah rizab** di bawah seksyen 70, Akta Kanun Tanah Negara 1965 kerana tidak termasuk sebagai golongan orang sebenar atau badan yang boleh dilupuskan tanah sebagaimana peruntukan seksyen 43, Akta Kanun Tanah Negara 1965.

4. Pelaksanaan

- 4.1. Syarikat Enterprise **tidak boleh** memegang permit pencabutan, pemindahan dan pengangkutan bahan batuan di atas **tanah kerajaan, tanah milik, tanah lombong atau tanah rizab** di bawah seksyen 70, Akta Kanun Tanah Negara 1965.
- 4.2. Syarikat Enterprise yang ingin memohon permit pencabutan, pemindahan dan pengangkutan bahan batuan di atas tanah kerajaan, tanah milik, tanah lombong atau tanah rizab di bawah di bawah seksyen 70, Akta Kanun Tanah Negara 1965 bolehlah memohon melalui pemiliknya **di atas nama peribadi** tanpa melibatkan Syarikat Enterprise berkenaan.

4. Tarikh Kuatkuasa

4.1. Arahan ini berkuatkuasa serta merta dan hendaklah dipatuhi sepenuhnya.



(AMINO AGOS BIN SUYUB)

b.p. Pengarah Tanah dan Galian
Negeri Sembilan Darul Khusus.

Tarikh : 27 September 2019
Rujukan : Bil (85) dlm. PTGNS.10/17 Jld.2